

## **UCAPAN**

### **AMANAT TAHUN 2015**

**YB DATO' SERI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN  
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**DI PERHIMPUNAN KEMENTERIAN 13 JANUARI 2015**

**DEWAN NUR JAM 9.00 PAGI**

### **"PENJENAMAAN SEMULA BAGI MENYEMPURNAKAN SISTEM PENYAMPAIAN UNTUK MEMBELA NASIB KUMPULAN SASAR"**

#### **MUKADIMAH**

Syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa taala kerana dengan izinNya, kita dapat berjumpa pada hari ini di perhimpunan Januari 2015 yang membuka tirai untuk kita melangkah masuk ke dalam tahun baru. Lazimnya tahun baru akan menampilkan cabaran dan harapan baru yang menyeru kepada semua warga kerja Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya untuk meneruskan perjuangan dan melipat gandakan usaha kita untuk menyempurnakan agenda kita yang belum selesai.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga kerja Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya. Semoga dengan kehadiran tahun baru 2015 ini akan diberkati dan dikurniakan kekuatan mental dan fizikal serta kebijaksanaan bagi membolehkan kita memperolehi kejayaan yang cemerlang dalam menyampaikan perkhidmatan kebajikan kepada semua kumpulan sasaran. Saya berpandangan dalam melangkah masuk ke ke tahun

2015 ini, kita perlu mengambil sedikit masa untuk merenung dan menilaikan diri mengenai prestasi dan pencapaian kita pada tahun yang lalu serta membuat azam baru bagi memperbaiki pencapaian kita secara keseluruhannya.

## **AZAM BARU**

3. Pada setiap permulaan tahun, kita diibaratkan seperti lembaran kertas yang kosong dan perlu dicorakkan mengikut kreativiti dan kompetensi yang telah dikurniakan kepada kita. Azam baru yang amat efektif ialah azam baru yang dibuat oleh Pengurusan Tertinggi dengan mengambil kira pandangan serta idea kesemua warga kerja kementerian. Penglibatan aktif Pengurusan Tertinggi memberi satu isyarat mengenai komitmen terhadap perancangan dan pelaksanaan dari segi keberkesanan kos, jadual pelaksanaan, *output* dan impak serta *outcome* ke atas kumpulan sasaran. Walaupun semua peringkat pegawai dan staf pelaksana dikehendaki menampilkan kepimpinan efektif, tetapi kepimpinan efektif yang dijalankan oleh Pengurusan Tertinggi amat penting dalam menentukan produktiviti dan kejayaan di dalam pelaksanaan. Namun, Kementerian turut membuka peluang kepada anggota di KPWKM amnya untuk memberikan sumbangan dari segi idea melalui pendekatan *bottom-up* agar wujud elemen *check and balance* dalam setiap pelaksanaan tugas yang dirangka. Dalam hal ini, penglibatan dengan golongan sasaran boleh dibuat secara santai seperti mengadakan *book club*, *teh tarik session*, executive talk dan lain-lain agar kita dapat mengenalpasti apa yang dihasratkan oleh rakyat melalui *live feed* yang disalurkan lebih-lebih lagi dari mereka yang sentiasa mendapat perkhidmatan daripada KPWKM.

4. Azam baru melibatkan kepimpinan di organisasi dan pengurusan atasan menetapkan dan melaksanakan beberapa amalan baik pengurusan yang sejagat. **Pertama**, Pengurusan atasan kementerian dan agensi

hendaklah menetapkan matlamat dan keutamaan yang jelas. Ia membolehkan pegawai dan staf pelaksana memfokuskan kepada beberapa keutamaan yang nyata dan kritikal supaya sumber kewangan dan tenaga yang terhad dapat digunakan secara optimum.

5. **Kedua**, pengurusan atasan dan kepimpinan kementerian serta agensi wajib membuat tindakan susulan. Ini kerana hanya menetapkan matlamat dan keutamaan yang jelas, tidak akan memberi apa-apa makna jika pegawai-pegawai dan staf pelaksana tidak mengambil tindakan susulan yang betul, cepat dan tepat. Sebagai contoh, pengemaskinian laman web Kementerian dan Jabatan perlu dibuat setiap hari dengan **memasukkan teks ucapan Menteri, Timbalan Menteri atau KSU, program-program dan aktiviti-aktiviti Kementerian dan Jabatan, foto-foto serta keratan akhbar agar rakyat mendapat maklumat atau info kepada aktiviti yang dilaksanakan. Selain itu maklumat-maklumat yang terkini seperti direktori pegawai serta informasi berguna hendaklah dipastikan berada di portal KPWKM** agar keberadaan KPWKM di mata masyarakat sentiasa disedari.

6. **Ketiga**, Pengurusan atasan hendaklah menetapkan akauntabiliti bagi setiap pelaksanaan. Ini adalah kerana pelaksanaan memerlukan sistem akauntabiliti di mana pegawai-pegawai dan kakitangan memahami peranan dan tanggungjawab mereka.

7. **Keempat**, Pengurusan atasan juga hendaklah terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pemantauan. Penglibatan secara langsung membolehkan mereka memahami isu pelaksanaan dan masalah yang berkaitan dan mengambil tindakan pro-aktif untuk mengatasinya.

9. Azam yang paling penting ialah setiap anggota, tanpa mengira kedudukan, sama ada dari kumpulan pengurusan atasan, kumpulan pertengahan atau staf pelaksana mesti mempunyai nilai keempunyaan atau

**ownership.** Keempunyaan bermakna kita memiliki organisasi ini dan setiap pegawai dan staf pelaksana mempunyai saham dalam syarikat yang dinamakan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Oleh itu, kita bertanggungjawab memastikan Kementerian kita mencapai visi dan misi yang ditetapkan.

## **TANGGUNGJAWAB YANG MULIA**

9. Peranan kementerian dalam membela nasib golongan sasaran merupakan satu tanggungjawab mulia terutamanya dalam membela serta memperjuangkan nasib rakyat Malaysia yang kurang mampu menyara diri. Pada hari ini, di sebalik proses urbanisasi dan perbandaran kawasan kampung yang berkembang pesat serta pertumbuhan ekonomi yang tinggi, terdapat juga segolongan rakyat kita yang hidup sebagai gelandangan, tergolong sebagai orang miskin, daif dan orang tua yang bergantung pada bantuan Kerajaan untuk menikmati hidup sebagai seorang manusia. **Untuk itu, pangkalan data yang ada di KPWKM seperti Pangkalan Data MANIS, E-JKM, SMOKU, Ibu Tunggal, Women Director, perlu dimantapkan lagi agar golongan sasaran yang dimaksudkan tidak tercicir untuk menerima bantuan yang sewajarnya daripada kementerian ini. Dengan adanya data ini nanti juga, segala maklumat yang kita mahupun ada hujung jari kita dengan hanya sekali *click*.**

10. Saya ingin menegaskan bahawa saya tidak berupaya untuk melaksanakan tanggungjawab dan kerja ini tanpa sokongan dan komitmen semua warga kerja Kementerian dan agensi-agensinya. Di sini, kita perlu sama-sama bekerja dalam satu pasukan untuk memastikan misi dan visi Kementerian ini dapat dicapai.

## **UJIAN BESAR**

11. Sebenarnya Kementerian kita menghadapi tiga ujian besar pada tahun lalu di mana sistem penyampian kita merupakan barisan depan yang terlibat secara langsung dalam membekalkan pertolongan dan bantuan kepada mangsa tragedi MH 370, MH 17 dan bencana banjir. Sehubungan ini, kita telah berjaya menunaikan tugas kita dengan cemerlang, dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua warga kerja dan sukarelawan yang menyumbangkan kepakaran, masa dan tenaga bagi mencapai prestasi ini.

12. Salah satu pelajaran yang amat penting dalam penglibatan kita dalam ketiga-tiga bencana ini ialah keperluan dan pentingnya untuk mengadakan ***standard operating procedure***. SOP yang berkesan menetapkan tanggungjawab dan tugas setiap pegawai dan staf sokongan, mewujudkan proses dan sistem komunikasi dan pelaporan dan menguatkasakan kawalan bagi memastikan pegawai-pegawai dan kakitangan dapat melaksanakan tanggungjawab dan peranan mereka dengan berkesan dan cekap. Bagi memenuhi hasrat ini, Kementerian dan jabatan-jabatan perlu sentiasa menyemak semula tatacara peraturan dan prosedur pentadbiran yang dirangka dan menimbulkan kerenah birokrasi yang melambatkan proses pelaksanaannya, dan memudahkan semangat kreativiti dan inovasi di kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian. Oleh itu, pegawai dan staf pelaksana Kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam ketiga-tiga bencana tersebut dapat menggunakan pengalaman yang diperolehi untuk merangka *standard operating procedure* yang akan menjadi bahan rujukan bagi pelan tindakan yang wajar diambil apabila menghadapi keadaan bencana.

13. Sepertimana yang kita sedia maklum, banjir merupakan bencana yang melanda negara kita saban tahun. Justeru, kita wajar melaksanakan satu post-mortem dan langkah pro-aktif yang bersepadu dengan merangka ***disaster risk management*** di peringkat kebangsaan, negeri dan daerah untuk mengurangkan impak buruk banjir seperti mengelakkan kes kehilangan nyawa dan meminimumkan kemusnahan nilai harta serta infrastruktur. Di sini, pengurusan pengetahuan atau *knowledge management* memainkan peranan yang penting agar pengajaran dari setiap pengalaman yang ditimba sewaktu berlakunya sesuatu musibah dapat didokumentasikan agar pengurusannya dapat sentiasa diperbaiki dari masa ke semasa. Para pegawai yang menghadiri sesi lawatan ke luar negara perlu berkongsi pengalaman mereka agar pengalaman yang ditimba itu dapat disebarluaskan pengetahuannya kepada semua anggota di KPWKM umumnya.

### **PENJENAMAAN SEMULA**

14. Sejarah penubuhan Kementerian sebagai agensi tunggal membekalkan perkhidmatan dan produk kebajikan berkait rapat peranan dan tugas Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dengan mengambil kira bahawa Jabatan Kebajikan Masyarakat ditubuhkan pada tahun 1946, *core business* kita sebagai pembekal perkhidmatan dan produk kebajikan sudah berusia lebih 68 tahun. Dalam tempoh tersebut, terdapat banyak perubahan sosial dan cabaran yang memerlukan idea dan pendekatan baru untuk membekalkan perkhidmatan dan produk kebajikan.

15. Perubahan demografi menjurus kepada *ageing society* memerlukan pendekatan dan kapasiti baru bagi membantu masyarakat warga emas. Profil sosio-ekonomi yang menampakkan jurang kemiskinan relatif yang besar telah menimbulkan kesengsaraan mencari rezeki bagi menampung kenaikan kos hidup yang tinggi. Generasi Y yang mengamalkan cara hidup

*sedentary* akan berdepan dengan pelbagai penyakit kronik pada usia yang muda. Pengaruh teknologi *internet* dan media sosial yang membenarkan akses kepada pornografi, dan ajaran sesat mencetus pelbagai sosial di kalangan golongan remaja dan kanak-kanak.

**16. Saya merasakan sudah tiba masanya kita melaksanakan penjenamaan semula Kementerian ini dengan mengkaji semula dan menjajarkan sistem penyampaian kita supaya *core business* kita masih relevan untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada kumpulan sasar. Serentak dengan itu, penstrukturan semula organisasi juga harus dilakukan agar kementerian akan menjadi lebih fokus dalam melaksanakan peranan dan fungsinya.**

17. Dalam kita melaksanakan *rebranding exercise* ini, warga KPWKM Kementerian dan agensi-agensi harus mengenalpasti idea baru dan berfikiran inovatif bagi memastikan organisasi ini terus relevan dan berkembang. Seiring dengan itu, Kementerian dan agensi-agensi telah menyahut cabaran ini dengan mengkaji semula visi dan misinya serta pelan hala tujunya agar kita sentiasa relevan dalam perubahan sosio-ekonomi. Untuk itu, kita telah merangkakan perancangan baru yang dibukukan sebagai Pelan Transformasi 2015 – 2020. Pelan Transformasi baru ini akan menjadi asas kepada penjenamaan semula ke atas sistem penyampaian kita yang akan dilaksanakan pada tahun ini. Saya dimaklumkan skop Pelan Tindakan sedang dilaksanakan untuk menguar-uarkan perkara tersebut dikalangan anggota KPWKM.

## **INOVASI SOSIAL**

18. Penjenamaan semula ini akan mengamalkan pendekatan *social innovation* atau inovasi sosial bagi mencetuskan pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem penyampaian kita agar kita dapat meningkatkan kapasiti dan keberkesanan perkhidmatan kebajikan kepada

kumpulan sasar. Secara ringkasnya, **inovasi sosial didefinisikan sebagai menggunakan inovasi yang dijanakan oleh *social entrepreneurs* untuk menyelesaikan masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat.** *Social entrepreneurs* ialah golongan yang mempunyai 'passion' atau keghairahan yang amat tinggi dan semangat keusahawanan untuk menyelesaikan masalah sosial melalui idea dan kreativitinya.

19. Sebenarnya pendekatan inovasi sosial ini telahpun dilaksanakan oleh kita tanpa disedari semasa kita mengurus usaha untuk membantu mangsa banjir seperti kemunculan pelbagai NGO dan individu yang didorong oleh semangat kemanusiaan untuk menyumbangkan masa, tenaga dan sumber kewangan serta kreativiti. Walaupun tidak dijemput, mereka telah menampilkan diri dengan idea dan kreativiti untuk mencari penyelesaian inovatif. Walaupun tidak mempunyai jentera pelaksanaan yang lengkap, mereka berjaya mendapat sokongan daripada sektor korporat untuk menderma wang, makanan dan air minuman. Walaupun tidak mempunyai sumber manusia yang cukup, mereka berjaya menggembeleng orang ramai dan masyarakat untuk menyumbangkan masa dan tenaga sebagai sukarelawan.

20. Kemunculan NGO dan individu ini menunjukkan bahawa terdapat golongan alternatif iaitu **di kalangan komuniti** yang dapat membekalkan perkhidmatan bantuan yang telah membantu usaha Kerajaan. Oleh itu, kita wajar meninjau keupayaan dan kepakaran di kalangan NGO dan individu untuk mencetus '**BIG IDEA**' yang dapat menghasilkan inovasi dan pendekatan baru di bawah rangkakerja inovasi sosial untuk meningkatkan kapasiti sistem penyampaian perkhidmatan kebajikan kita.

21. Inovasi sosial telahpun berkembang pesat di negara-negara maju seperti di Amerika Syarikat. Inovasi sosial mewujudkan kerjasama *tripartite* di antara Kerajaan, NGO atau sektor korporat dan *social entrepreneurs* dalam mengenalpasti penyelesaian kepada masalah sosial. Ia membantu



Kementerian dan agensi-agensi membuat pembaharuan dan penambahbaikan ke atas sistem penyampaianya. Selaras dengan rangka kerjasama ini, pembiayaan bagi melaksanakan program akan ditampung melalui gran Kerajaan, sumber kewangan *venture philanthropy* dan sumbangan *corporate-social responsibility (CSR)*. *Modus operandi* ini bukan sahaja menampilkan model pembiayaan yang dapat menjimatkan kos perbelanjaan yang ditanggung oleh Kerajaan malah ia merupakan pendekatan *community-driven* dalam mencari penyelesaian. Model ini merupakan kolaborasi baru NBOS yang menumpukan kepada kerjasama Kerajaan, NGO dan sektor korporat, dan tidak lagi dikalangan agensi Kerajaan.

## **PEMBAHARUAN TAHUN 2015**

22. Saya ingin mencadangkan supaya inovasi sosial ini digunakan sepenuhnya bagi mencetuskan beberapa pembaharuan dan penambahbaikan dalam sistem penyampaian seperti berikut:

### **a. Social Enterprise**

23. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mengamalkan kebajikan produktif sebagai satu pendekatan supaya kumpulan sasaran dapat berdikari dengan membekalkan kemahiran untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi. Kejayaan pendekatan ini akan membolehkan JKM melaksanakan *exit policy* yang akan mengugurkan kumpulan sasaran yang berjaya daripada senarai penerima bantuan. Kebajikan produktif yang telah dihasilkan melalui *purple DNA* dan bengkel DAYA merupakan kejayaan dalaman melibatkan kerjasama di antara staf JKM dan kumpulan sasaran seperti OKU atau warga emas. Kejayaan kebajikan produktif ini wajar direplikasi dan diperluaskan skop kerjasama daripada *modus operandi* dalaman kepada kerjasama JKM dengan NGO atau *social entrepreneurs* bagi menubuhkan *social enterprise*.

24. Sehubungan ini, kita perlu mengenalpasti NGO atau *social enterprise* yang komited terhadap misi sosial dan mempunyai pengalaman perniagaan serta kapasiti untuk meningkat jumlah pengeluaran untuk dijual di pasaran yang lebih besar. NGO atau *social enterprise* ini mengambil alih program kebajikan produktif ini daripada JKM yang akan menambahkan penjualan produk tersebut di pasaran yang lebih besar. Contoh yang paling baik ialah kejayaan Amy Blair, seorang rakyat Amerika yang mengasaskan enterprise sosial Batik Boutique di Malaysia. Batik Boutique mengeluarkan produk batik seperti bag tangan batik atau apron batik untuk pasaran pelancongan, dan semua produknya dihasilkan oleh ibu tunggal.

**b. Deinstitutionalization**

25. Di Malaysia, anak-anak yatim piatu atau anak yang malang dimasukkan ke dalam pusat penjagaan yang dijalankan oleh Kerajaan seperti Rumah Kanak Kanak atau rumah anak yatim piatu yang diusahakan oleh NGO. Terdapat 25 pusat penjagaan Kerajaan yang menampung lebih 1,500 budak dan 750 institusi anak yatim piatu NGO yang menjaga 22,500 anak-anak. Pendekatan menginstitusikan anak-anak ini sebenarnya mengasingkan mereka daripada dimanjakan dengan kasih sayang yang diperolehi daripada institusi keluarga dan kadang-kadang mengalami masalah sosial dan trauma psikologi di kalangan mereka sehingga tidak berjaya dalam pelajaran sekolah.

26. Oleh itu, saya berpandangan bahawa JKM wajar meninjau kemungkinan mengamalkan pendekatan *deinstitutionalization* dan mengantikannya dengan *family-based care* sebagai langkah baru mengatasi masalah tersebut. Sehubungan ini, satu projek perintis akan dilaksanakan dengan sebuah institusi anak yatim NGO bagi melaksanakan pendekatan *deinstitutionalization* ini.

27. Selain itu, proses pengambilan anak angkat juga dapat mengamalkan cara *adoption* yang digunakan oleh sebuah NGO ' *It's All About Me*' di United Kingdom untuk mencari keluarga angkat kepada anak-anak yatim yang dikategorikan sebagai golongan yang susah untuk *adoption* kerana kurang upaya atau bermasalah sosial. Ia menggunakan alternatif baru melalui pasaran alam maya (*virtual market*) bagi memadankan anak yatim dengan keluarga angkat. Senarai pepadanan ini akan diberikan kepada pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab mengenai pengambilan anak angkat. Kerajaan UK membelanjakan 1 juta pound bagi membiayai kos penjagaan seorang anak yatim di pusat penjagaan sehingga umur 18 tahun. Kejayaan NGO ' *It's All About Me*' mencari keluarga angkat akan mengurangkan kos tersebut dan sebagai balasan, ia akan dibayar sebahagian daripada penjimatan tersebut.

### **c. *Outsourcing***

28. Agensi-agensi kita seperti JKM dan JPW yang menguruskan pelbagai institusi seperti warga emas, OKU dan pemerdagangan wanita wajar meninjau kemungkinan menggunakan khidmat NGO atau enterprise sosial untuk mengambil alih kerja tersebut di rangka kerja *outsourcing*. Kita perlu hakikat bahawa mungkin mereka mempunyai idea dan cara alternatif yang inovatif yang lebih berkesan dan berkualiti serta *cost-effective* untuk mengurus institusi tersebut.

29. Melalui kaedah *outsourcing* ini, agensi Kerajaan perlu menetapkan spesifikasi perkhidmatan kebajikan yang kualiti yang dikehendaki, dan KPI serta mewujudkan mekanisme bagi mengukur dan menilai prestasi perkhidmatan yang dibekalkan.

#### **d. Tabung Kebajikan**

30. Negara kita kini menghadapi kedudukan pertumbuhan ekonomi yang amat mencabar akibat kejatuhan harga minyak dan suasana perdagangan global yang agak kurang memberangsangkan. Bencana banjir yang telah memusnahkan banyak harta dan infrastruktur akan memerlukan banyak perbelanjaan daripada Kerajaan Persekutuan membantu mangsa banjir dan membina semula infrastruktur serta kemudahan awam. Dalam keadaan bahawa bajet Kementerian juga akan menghadapi kekangan, saya menyeru Kementerian dan agensi-agensi mengambil tindakan pro-aktif untuk melaksanakan program dan aktiviti dengan kerjasama NGO atau individu untuk mencari derma dan sumbangan daripada masyarakat dan sektor korporat bagi tabung kebajikan. Tabung kebajikan sedemikian akan menjadi pembiayaan alternatif yang boleh digunakan *shortfall* dalam pembiayaan pelaksanaan pelbagai projek kebajikan kepada kumpulan sasaran supaya ia tidak tergendala.

#### **e. Pengurusan bencana**

31. Dalam usaha kita menghulur bantuan dan perkhidmatan bagi membantu mangsa tragedi nahas MH 370 dan MH17 serta banjir baru-baru ini, kita mendapati bahawa usaha ini akan menghasilkan impak yang lebih berkesan sekiranya ia dilaksanakan secara kerjasama dengan NGO atau badan yang berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang *disaster management*. Oleh itu, Kementerian dan agensi-agensi wajar mengambil tindakan susulan untuk membuat *engagement* dengan pakar-pakar ini, dan menjadikan mereka rakan strategik dalam SOP dan pelan tindakan pengurusan bencana yang akan dirangka oleh Kementerian dan agensi-agensi.

f. ***Ageing Society***

32. Malaysia dijangka akan mencapai status negara tua pada tahun 2030. Oleh itu, sebagai agensi tunggal yang bertanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan kebajikan kepada warga emas, kita perlu bertindak pro-aktif untuk merangka perancangan dan pelan tindakan bagi mewujudkan *safety net* yang merangkumi melibatkan warga emas dalam pekerjaan sambil agar sentiasa aktif, keperluan kesihatan dan perubatan, program untuk warga emas terus aktif dalam kehidupan harian, dan peranan dan tanggungjawab anak mereka untuk menjaga mereka.

**STRUKTUR ORGANISASI**

33. Akhir sekali, sekali lagi saya ingin menyentuh semula bahawa kita perlu menyusun semula struktur organisasi kerana penjenamaan semula sistem penyampaian yang memfokuskan kepada inovasi sosial sebagai landasan baru bagi mencetuskan pembaharuan dan inovasi dalam perkhidmatan kebajikan mewajibkan penjajaran struktur organisasi menyokong pelaksanaannya. Penstrukturan semula organisasi bertujuan untuk mewujudkan satu organisasi yang *lean* dan fokus kepada visi dan misi baru. Sehubungan ini, Kementerian sedang menyusun semula Bahagian-bahagian untuk memantapkan lagi sistem penyampaian.

**PENUTUP**

34. Saya amat berharap bahawa melalui penjenamaan semula ini, kita akan dapat meningkatkan prestasi kerja kita untuk menjayakan semua dasar, program dan aktiviti yang telah dirancangkan supaya sistem penyampaian kita menunaikan aspirasi Kerajaan bagi merakyatkan perkhidmatan awam selaras dengan apa yang dihasratkan dalam gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan.'

35. Sebelum mengakhiri amanat saya pada hari ini, setelah melihat bagaimana mangsa banjir bersusah payah untuk membina kembali kehidupan setelah ditimpa musibah, suka saya untuk mengingatkan bahawa dalam usaha kita untuk membina generasi akan datang dengan pendidikan yang mencukupi, kita harus bersedia dengan membuat tabungan agar kebajikan anak-anak kita tidak terabai. PTPTN melalui skim SSPN-i ada menawarkan khidmat simpanan untuk membiayai pendidikan anak-anak dan saya berpandangan, skim yang dilindungi insurans seperti ini boleh dimanfaatkan sekiranya kita ditimpa musibah yang tidak diduga. Oleh itu, bagi yang masih belum mempunyai sebarang deposit pembiayaan pendidikan anak-anak pada masa akan datang, bolehlah menggunakan khidmat yang ditawarkan ini sebagai alternatif terutamanya pada masa kecemasan yang memerlukan kita menggunakan amaun wang yang besar untuk membina kembali kehidupan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum W.B.T